

Kampus UMS

berpotensi

dijadikan produk pelancongan

Ricardo Unto DE 4.8.2016 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai potensi untuk menjadikan kampusnya satu produk pelancongan yang menguntungkan, menurut Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Masidi Manjun.

Sehubungan dengan itu, beliau menjanjikan komitmen Kementeriannya bagi membantu dan menyokong usaha UMS untuk memasarkan kampusnya sebagai sebuah destinasi pelancongan.

"Saya fikir tidak banyak universiti yang menjadikan kampus mereka produk pelancongan.

"Kampus UMS adalah yang terbesar dan paling cantik di Malaysia, malah di Asia. Dan terdapat ramai pelancong yang terpesona dengan kampus itu yang dibina dengan cantik.

"Dan kini, UMS bukan sahaja menjadi sebuah pusat kecemerlangan akademik tetapi juga sebuah produk pelancongan," katanya semasa membuka Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus-UMS (UMS-EVIC) pada Rabu.

Beliau turut berkata, universiti itu harus memanfaatkan kelebihannya untuk meningkatkan lagi kebolehpasaranannya.

"UMS bertuah kerana ia mempunyai kawasan tanah seluas 1,000 ekar. Ia juga terletak di salah satu bahagian paling indah di Kota Kinabalu... ia mempunyai pemandangan laut, lereng bukit dan ia hanya 10 minit dengan kereta dari pusat bandar."

Peratusan kawasan dimajukan di kampus itu juga sedikit, berbanding dengan kawasan yang belum tidak terjejas, kata Masidi.

"Ini pastinya satu tarikan buat pelancong, terutamanya mereka yang tidak mempunyai banyak masa untuk melawat tempat-tempat di luar bandar... mereka boleh menikmati keindahan semula jadi Sabah di sini, di Kota Kinabalu."

Oleh kerana industri pelancongan Sabah ketika ini sedang menyaksikan peningkatan, Masidi mencadangkan agar UMS lebih kreatif dengan memperkenalkan produk nilai tambah yang boleh menarik lebih ramai pelawat.

"Sementara lebih ramai orang melawat bandaraya ini, mereka perlu pergi ke sesuatu tempat, dan cara terbaik untuk melakukannya adalah dengan mencipta produk, mungkin dalam bandar itu sendiri.

"Dan UMS adalah tempat terbaik untuknya. Jadi adalah penting untuk mempunyai kreativiti untuk menampung pelawat jangka pendek supaya mereka juga boleh menikmati seluruh Sabah.

"Kamu boleh mendaki bukit di kampus itu dan sepanjang perjalanan kamu boleh melihat panorama alam semula jadi dengan pelbagai pokok. Ketika mendaki dan menuruni bukit, kamu juga boleh mendapat banyak pengetahuan," katanya.

Selain itu, Masidi turut mencadangkan UMS menawarkan pakej memerhati burung kerana hobi itu semakin popular dengan nilai global sektor memerhati burung bernilai kira-kira AS\$4 bilion setahun.

"Dan mungkin UMS boleh bekerjasama dengan sebuah syarikat untuk menubuhkan sebuah hotel di kampus itu yang juga boleh digunakan sebagai pusat latihan praktikal.

"UMS mempunyai pemandangan laut yang indah... dan kita kekurangan hotel lima bintang di bandaraya ini.

"Kita perlu meluaskan minda kita dan memikirkan sesuatu yang boleh menjana pendapatan untuk universiti itu."

UMS-EVIC adalah sebuah pusat sehenti bagi Pelancongan EcoCampus UMS untuk menempatkan kaunter maklumat bagi sistem tiket dan bayaran berpusat, dewan taklimat untuk pelawat, kedai cenderakenangan serta kedai makanan dan minuman ringan.

Pelancongan EcoCampus UMS membabitkan aktiviti pelancongan dalam kawasan UMS terdiri daripada lima pakej atau produk - Lawatan Galeri dan Muzium, Penghayatan Alam Semulajadi, Warisan Arkitektual, Penghayatan Senja dan Kem Pendidikan Alam Semulajadi.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pengurus Besar Lembaga Pelancongan Sabah Gordon Yapp.